

Perisian Bahasa Isyarat e-MySL & MyKOD Diiktiraf



Kuantan, 22 Oktober - Dua Perisian Bahasa Isyarat Malaysia (eMySL) dan Malaysian Text Translator for Kod Tangan Bahasa Melayu (MyKOD) yang dibangunkan di bawah projek penyelidikan pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, Dr Mazlina Abdul Majid telah diiktiraf oleh Sekolah Pendidikan Khas Indera Mahkota II untuk dijadikan alat bantu mengajar pelajar-pelajar cacat pendengaran di sekolah tersebut.

Upacara penyerahan eMySL dan MyKOD dihadiri oleh Guru Besar Sekolah Pendidikan Khas, Indera Mahkota II, Kamariah M Yusof dan Penolong Pengarah & Ketua Unit Pendidikan Khas Pahang, Ropizal hazri Ismail. Menurut Dr Mazlina, eMySL dan MyKOD adalah perisian pembelajaran bahasa isyarat berkonsep multimedia yang boleh dicapai melalui laman sesawang, CD dan Thumb-drive .

"Idea ini tercetus kerana pembelajaran secara interaktif masih belum diberi penekanan di kalangan pelajar yang kurang upaya di Malaysia. Perisian ini adalah alternatif ke arah pembelajaran Bahasa Isyarat yang berimpak tinggi kerana ianya berpotensi meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar yang cacat pendengaran dari segi fokus, latihan dan pembelajaran sendiri," katanya.



Tambah beliau, perisian ini bukan sahaja sebagai alat bantu mengajar kepada para guru dan pelajar tetapi juga kepada ibu bapa untuk berkomunikasi dengan anak yang cacat pendengaran.

Menurut Ropizalhazri, beliau sangat berpuas hati dengan eMySL dan MyKOD kerana ia telah diterima baik oleh pelajar dan guru. Keistimewaan kedua-dua perisian ini adalah ia telah dibangunkan mengikut silibus Bahasa Isyarat yang telah diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Beliau berharap usaha UMP dalam memindahkan kepakaran ilmu para penyarahnya kepada Sekolah Pendidikan Khas diteruskan bukan hanya di Pahang tetapi di seluruh Malaysia.

Beliau juga percaya, dengan melihat kepada kejayaan eMySL dan MyKOD dalam beberapa pertandingan di peringkat UMP dan Kebangsaan melayakkan perisian ini diterima pakai di Malaysia dan juga antarabangsa. Acara berakhir dengan penyerahan tanda penghargaan dari pihak UMP kepada sekolah dan para guru serta pelajar yang telah terlibat dalam kajian penyelidikan tersebut.

Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 02-11-2015, 16:53:38